

Bil. S 47

PERINTAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA, 2015
(S 61/2015)

PEMBERITAHUAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PEMANSUHAN), 2021

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pemansuhan Pemberitahuan

JADUAL — PEMBERITAHUAN YANG DIMANSUHKAN

**PERINTAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA, 2015
(S 61/2015)**

PEMBERITAHUAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PEMANSUHAN), 2021

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 63(1) dari Perintah Perancangan Bandar dan Desa, 2015, maka Menteri Pembangunan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Pemberitahuan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Pemberitahuan ini boleh digelar sebagai Pemberitahuan Perancangan Bandar dan Desa (Pemansuhan), 2021 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2017.

Pemansuhan Pemberitahuan

2. Pemberitahuan yang dinyatakan dalam Jadual adalah dengan ini dimansuhkan.

JADUAL

(perenggan 2)

PEMBERITAHUAN YANG DIMANSUHKAN

1. Pengisytiharan di bawah bab 3 (Kawasan Kawalan Kemajuan): Kawasan Kawalan Kemajuan Pecahan Tanah — seluruh Negeri Brunei menjadi Kawasan Kawalan Kemajuan (S 153/1974).
2. Pengisytiharan di bawah bab 3 (Kawasan Kawalan Kemajuan): Kawasan Kawalan Pembangunan Muara (S 49/1975).
3. Notis berikutan dengan pengisytiharan Kawasan-Kawasan Kawalan Pembangunan Jalan Raya (S 156/1974).
4. Notis berikutan dengan pengisytiharan seluruh Negeri Brunei menjadi Kawasan Kawalan Kemajuan Pecahan Tanah (S 157/1974).
5. Pemberitahuan lantikan Pihak Berkuasa Yang Layak: Pihak Berkuasa Kawalan Pembangunan (Jalan Raya) bagi “Kawasan Kawalan Pembangunan Jalan Raya” (S 155/1974).

6. Pemberitahuan lantikan Pihak Berkuasa Yang Layak: Pihak Berkuasa Kawalan Pembangunan (Jalan Raya) yang bertanggungjawab bagi Kawasan Kawalan Pembangunan Jalan Raya (S 20/1975).
7. Pemberitahuan lantikan Pihak Berkuasa Yang Layak: Pihak Berkuasa Yang Layak Kawasan Kawalan Pembangunan Muara (S 50/1975).
8. Pemberitahuan lantikan Pihak Berkuasa Yang Layak: Pihak Berkuasa Yang Layak bagi Kawasan Kawalan Kemajuan Subok (S 70/1975).

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1442 bersamaan dengan 16 haribulan Jun, 2021.

DATO SERI SETIA Ir. AWANG HAJI SUHAIMI BIN HAJI GAFAR
Menteri Pembangunan.